



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 18 OGOS 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4.	IKRAR BEBSA RASUAH MESTI DITERJEMAH DALAM TINDAKAN, KOSMO -ONLINE IKRAR BEBAS RASUAH PERLU DITERJEMAH DALAM TINDAKAN - MOHAMAD SABU, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE AGRICULTURE MINISTRY STAFF MUST ADOPT TRUST PRINCIPLE IN DUTIES, SAYS MAT SABU, NST -ONLINE MINISTRY OFFICIALS TAKE ANTI-CORRUPTION PLEDGE, THE STAR -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
5. 6. 7. 8. 9. 10.	'BALIK SAHAJA, JANGAN LAGI BAGI BANYAK ALASAN', NASIONAL, BH -16 KERAJAAN KOMITED LAKSANA PELBAGAI INISIATIF TINGKAT PENDAPATAN RAKYAT, NASIONAL, BH -15 PERUNDING HARTANAH KINI USAHAWAN CILI, LOKAL, HM -26 BEKAS PEGAWAI BANK KINI PETANI FERTIGASI, NEGARA, KOSMO -18 ANGGUR RASA LAICI JADI BURUAN PELANGGAN, DALAM NEGERI, UM -33 USAH PINGGIR SEKTOR TANI NEGERI PN, DALAM NEGERI, UM -18	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/8/2023	KOSMO	ONLINE	

Ikrar Bebas Rasuah mesti diterjemah dalam tindakan



Mohamad Sabu.

KUALA LUMPUR – Semua warga Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) diseru agar mengambil prinsip amanah sebagai paksi utama selain melaksanakan akur janji bagi memerangi amalan rasuah.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, rasuah boleh berlaku kepada sesiapa sahaja jika

tidak berhati-hati dan boleh meruntuhkan negara dengan sekelip mata.

Menurutnya, berdasarkan pendedahan yang dibuat sama ada pihak antarabangsa atau kajian bebas, menunjukkan data yang menggerunkan.

“Berbillion ringgit wang negara dibazirkan kerana amalan rasuah ini. Jadi teguran itu adalah menyeluruh dan berfakta. Saya sendiri rasa terharu dengan program ini dan bagaimana kita nak memerangi rasuah sebagai tanggungjawab bersama.

“Semoga ikrar itu dapat kita laksanakan bersama untuk memulihkan kedudukan perbelanjaan negara selain mengurangkan segala bentuk pembaziran,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas merasmikan Forum Eksekutif Merdeka Tadbir Urus Terbaik dalam Sektor Awam di Menara Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), di sini hari ini.

Turut diadakan upacara lafaz Ikrar Bebas Rasuah (IBR) sebagai pembuktian warga KPKM dalam memerangi rasuah yang disaksikan Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki.

Dalam pada itu, Mohamad berkata, hampir kesemua negara maju mempunyai index rasuah yang agak rendah.

“Sebelum ini, Malaysia terkenal dengan integriti yang tinggi terutama selepas merdeka melibatkan pegawai kerajaan. Kita harap integriti ini dapat dipulihkan dan dipertahankan kembali,” ujarnya. – KOSMO! ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/8/2023	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

Ikrar bebas rasuah perlu diterjemah dalam tindakan – Mohamad Sabu



Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu hadir ke Forum Eksekutif Merdeka Tadbir Urus Dalam Sektor Awam di Aras 1, Dewan Tan Sri Abu Zahar, Menara Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Kuala Lumpur. Foto WAN NABIL NASIR, 17 OGOS 2023.

KUALA LUMPUR – Warga Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan

(KPKM) digesa menterjemahkan ikrar bebas rasuah dalam setiap tindakan dan keputusan.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, langkah untuk memerangi rasuah bukan hanya melibatkan kepimpinan di peringkat atas an malah turut melata di segenap peringkat kementerian.

“(Ikrar bebas rasuah) adalah tanggungjawab bersama daripada peringkat atas hingga pekerja bawahan kerana ia menjadi dari barah kepada masyarakat dan negara.

“Ini satu program yang sangat baik semoga ikrar itu dapat kita laksanakan bersama untuk memulihkan kembali kedudukan negara dan prestasi perbelanjaan negara serta mengurangkan segala bentuk pembaziran yang kita lihat pendedahan itu samada pihak antarabangsa mahupun kajian bebas amat menggerunkan kita.

“Saya pun amat terharu dengan kehadiran orang yang ditakuti iaitu Ketua Pesuruhjaya SPRM (Tan Sri Azam Baki) kerana ini kita lihat kesungguhan pihak kementerian khususnya KSU yang baca ikrar tadi,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas merasmikan Forum Eksekutif Merdeka Tadbir Urus Terbaik dalam Sektor Awam di Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), hari ini.

Ikrar bebas rasuah itu dibacakan Ketua Setiausaha KPKM, Datuk Lokman Hakim Ali serta barisan pengurusan tertinggi kementerian, jabatan dan agensi KPKM.

Jelas Mohamad, semua warga KPKM perlu mengambil prinsip amanah sebagai paksi utama dalam mematuhi tanggungjawab dengan tadbir urus yang baik serta mencipta tatakelola Madani yang selari dengan citra Malaysia.

Menurutnya tadbir urus terbaik amat diperlukan supaya lonjakan ke masa hadapan menjadi lebin pantas dan seiring zaman serta tidak sekadar mengelakkan status-quo yang lapuk.

Play Video

“Teguran tadi secara umum tidak kira daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sampailah kepada kakitangan awam di bawah.

“Betapa besarnya rasuah ini meruntuhkan kewibawaan negara dan kita boleh lihat negara kuat dan maju hampir kesemuanya indeks rasuah mereka agak rendah. Malaysia terkenal dengan integriti yang tinggi terutamanya selepas merdeka.

“Kepada pegawai kerajaan yang begitu berintegriti, kita harap dipulihkan dan dipertahankan kembali soal integriti termasuklah pemimpin politik yang kita tahu kadang dikritik oleh rakyat dalam perkhidmatan ataupun setelah berkhidmat,” katanya lagi.

Ikrar itu disaksikan Ketua Pengarah SPRM, Tan Sri Azam Baki. – MalaysiaGazette

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/8/2023	NST	ONLINE	

Agriculture Ministry staff must adopt trust principle in duties, says Mat Sabu



KUALA LUMPUR: Every leader and employee of the Agriculture and Food Security Ministry as well as its departments and agencies must adopt the principle of trust in fulfilling responsibilities and good governance, in their duties towards the people and the country.

Its Minister, Datuk Seri Mohamad Sabu (pic), said that civil servants must always uphold serving the government of the day principle,

and ensure that the government's aspirations are implemented based on the current government's policies.

On governance, Mohamad cited a mandate of the first Prime Minister Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj in the First Malaysia Plan in 1965 regarding the importance for all of us to be ready to accept changes by increasing all efforts to build a more advanced and prosperous Malaysia.

"This aspiration is translated through the six core values of Malaysia Madani, introduced by Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim: Sustainability, Prosperity, Innovation, Respect, Trust and Compassion.

"Madani governance is needed to accelerate the shift into the future, and not just to maintain the outdated status quo," he said in his speech when officiating the 'Forum Eksekutif Merdeka; Tadbir Urus Terbaik Dalam Sektor Awam' (Merdeka Executive Forum; Best Governance in the Public Sector).

Mohamad said that a lot of effort and synergy from all the agencies under his ministry is needed to ensure that the country's food security agenda is a success.

"In implementing this significant initiative, we cannot escape from cultivating high integrity, trust and efficiency to produce work of high quality.

"To that end, this is the purpose of today's ministry, bringing together all key management of the ministry and its agencies, to discuss the issues and challenges faced to maintain good governance in the public sector," he said.

Meanwhile, at the press conference, Mohamad said that the pledge made today was to restore the country's position and the performance of national spending, as well as to reduce all forms of waste.

"Malaysia, after Merdeka, was previously known for its high integrity among government officials; we do hope that through today's programme, it will be an effort to restore and defend the issue of integrity, including among the political leaders," he said.

During the forum, former Auditor-General, Tan Sri Ambrin Buang and former Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) chief commissioner Tan Sri Abu Kassim Mohamed discussed issues and challenges in supporting the best governance of the public sector.

There was also a signing of the Corruption-Free Pledge by ministry staff, witnessed by MACC chief commissioner Tan Sri Azam Baki. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/8/2023	THE STAR	ONLINE	

Ministry officials take anti-corruption pledge



Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu, his officers and the Malaysian Anti-Corruption Commission chief commissioner Tan Sri Azam Baki after the 'Merdeka Executive Forum: Best Governance in the Public Sector' at Menara LPP in Kuala Lumpur. -NSTP/FATHIL ASRI.

PUTRAJAYA: Officials at the Agriculture and Food Security Ministry took the corruption-free

pledge to ensure good governance at the ministry here today.

Its minister Datuk Seri Mohamad Sabu, who witnessed the pledge said he hoped the pledge would be translated into action.

"Abuse of power and corruption can happen to anyone if we are not careful.

"This is what I want to remind everyone from the Prime Minister to civil servants. Corruption will bring doom to a nation and we can see that most developed nations have low corruption indexes," he told reporters after the 'Merdeka Executive Forum: Best Governance in the Public Sector' event.

He hoped Malaysia could restore its status as a respected country with integrity, which was what it had enjoyed after achieving independence.

Also present at the forum was Malaysian Anti-Corruption Commission chief commissioner Tan Sri Azam Baki.

During his officiating speech, Mohamad called on civil servants to emulate the United Kingdom. He said its civil service and Parliament held their former Prime Minister Boris Johnson accountable for breaching lockdowns instead of covering it up, as what happened in Malaysia.

"(We should be) ready to accept change by increasing all efforts to build a more advanced and prosperous Malaysia.

"This is translated through the six cores of Malaysia Madani that were conceptualised by Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim, which are based on effort for sustainability, wellbeing, creativity, respect, confidence and ihsan (benevolence)," he said.

He also reminded civil servants to uphold the principles of serving the government of the day, and to ensure that the government's goals are implemented based on the current policy.

He said officials at the ministry should take the principle of amanah (trust) as its main guideline when fulfilling their responsibilities.

‘Balik sahaja, jangan lagi bagi banyak alasan’

Kuala Lumpur: “Balik sahaja dan jangan bagi banyak alasan,” kata Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki kepada peguam dan menantu bekas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang ketika ini berada di luar negara.

Beliau mengulas kenyataan peguam yang juga Pengarah dan pemegang saham NERS Sdn Bhd (NERS), Mansoor Saat serta menantu Muhyiddin, Datuk Seri Muhammad Adlan yang dicari SPRM.

“Saya tetap dengan pendirian saya. Awak (kedua-duanya) balik sahaja dan hadapi apa juga siasatan dan jangan bagi banyak alasan, saya tidak mahu dengar.”

“Mungkin cakap saya ini, cakap yang orang tidak suka, tetapi itulah saya. Jadi awak berdua, balik sahaja dan jangan bagi alasan,” katanya selepas Forum Eksekutif Merdeka, Tadbir Urus

Terbaik Dalam Sektor Awam di Menara Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), semalam.

Forum itu disempurnakan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu.

Terdahulu, Mansoor, 69, dalam kenyataannya menyangkal dakwaan melarikan diri daripada menghadapi pertuduhan.

Tegasnya, beliau bukan seorang pelarian dan tidak melarikan diri, selain sudah memberi kerjasama kepada SPRM yang mengetahui keberadaannya. Tindakan keluar dari Malaysia di-



Mohamad (tiga dari kanan) bersama Azam pada Forum Eksekutif Merdeka, Tadbir Urus Terbaik dalam Sektor Awam di Menara Lembaga Pertubuhan Peladang, Kuala Lumpur, semalam. (Foto Fathil Asti/BH)

buat secara sah atas urusan perniagaan, namun ia kini digunakan terhadapnya sebagai isyarat seolah-oleh dirinya bersalah.

Pada 10 Ogos lalu *BH* melaporkan, Azam pernah meminta ahli perniagaan, Muhammad Adlan yang kini berada di luar negara untuk balik berurusan dengan pihaknya tanpa sebarang alasan.

Azam turut menafikan SPRM baru mencari menantu bekas Perdana Menteri itu, sebaliknya agensi sudah beberapa kali mencuba menghubungkan beliau.

“Kita sudah mencarinya sejak

berkaitan siasatan IMDB susulan perahanan Jasmine pada 7 Julai lalu.

Wanita itu memberi kerjasama yang baik kepada PDRM dan pihaknya masih meneruskan siasatan terhadap Jasmine di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Aktiviti Haram 2001 (AMLA).

Jasmine hanya akan diserahkan kepada SPRM selepas siasatan polis selesai kerana pihak berkuasa itu masih memerlukan beliau untuk melengkapkan banyak siasatan terhadap skandal kewangan terbabit.

Jasmine dikatakan antara sekutu rapat Jho Low yang terbabit dalam skandal kewangan IMDB, dan disenaraikan sebagai orang yang dikehendaki.

Bloomberg sebelum ini melaporkan, penyiasat Switzerland yang menjalankan siasatan jenayah berhubung skandal IMDB, memburu pengarah eksekutif Casey Tang dan Jasmine berkaitan pemindahan AS\$700 juta yang didakwa dilakukan secara haram.

Pada 4 Disember 2018, Mahkamah Majistret mengeluarkan waran tangkap terhadap Jho Low, Jasmine, Casey, bekas pegawai IMDB, Geh Choh Heng dan sekutu rapat Jho Low, Eric Tan Kim Loong.

Waran tangkap itu dikeluarkan selepas mereka gagal hadir di mahkamah bagi menghadapi tuduh pertuduhan pengubahan wang haram berkaitan IMDB.

Kerajaan komited laksana pelbagai inisiatif tingkat pendapatan rakyat

Program khas diperkenalkan bantu jana ekonomi kumpulan sasar, hapus kemiskinan

Oleh Ercy Gracella Ajos
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan komited melaksanakan pelbagai program dan inisiatif bagi menyelesaikan isu ekonomi dan menangani kemiskinan tegar di negara ini.

Ketua Setiausaha Kementerian Ekonomi, Datuk Nor Azmie Diron, berkata faktor ekonomi makro dan akar umbi adalah antara penyumbang kemiskinan tegar, seperti penguncupan ekonomi susulan pandemik COVID-19 yang menyebabkan peningkatan insiden kemiskinan. "Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) di bawah Kementerian Ekonomi menjadi strategi serampang dua mata dengan meningkatkan pendapatan tambahan golongan sasar iaitu miskin tegar, miskin dan B40 secara mampan."

"Ia juga membantu menyelesaikan isu struktur ekonomi pada peringkat akar umbi berkaitan soal kos sara hidup, pengeluaran makanan domestik dan kebergantungan kepada buruh asing."

"IPR turut memberi tumpuan kepada golongan miskin tegar sama ada di kawasan bandar dan luar bandar menerusi pendekatan kumpulan sasar berasas individu, komuniti atau hibrid."

"Pendekatan berasaskan komuniti turut diberi keutamaan di lokaliti membabitkan masyarakat Orang Asli dan di Sabah serta Sarawak, terutama yang membabitkan ramai golongan miskin tegar," katanya.

"Bagi menjamin kemampanan usaha pembasmian kemiskinan tegar, IPR juga menitikberatkan elemen penajaan pendapatan."

"Untuk itu, kerajaan mewujudkan tiga templat utama menerusi Inisiatif Usahawan Tani (INTAN), Inisiatif Usahawan Makanan (INSAN) dan Inisiatif Operator Perkhidmatan (IKHSAN)."

"Ketiga-tiganya bertujuan membantu meningkatkan pendapatan bulanan golongan miskin tegar, miskin dan B40 di samping mengatasi isu kritikal seperti keterjaminan makanan, peluang pekerjaan dan saluran pemasaran produk yang terhad," katanya.

Bantuan alatan pertanian

Di bawah INTAN, katanya, Kementerian Ekonomi memberi bantuan berbentuk input dan peralatan moden pertanian, latihan dan khidmat nasihat teknikal serta elau sara hidup tempoh menunggu penuaian hasil tanaman.

Menerusi INSAN, Nor Azmie berkata, kerajaan menyediakan geran berbentuk bayaran sewaan mesin layan diri untuk tempoh dua tahun ke arah menggalakkan penjualan makanan bernasak pada harga berpatutan.

"Langkah ini memberi ruang peserta memasarkan produk makanan tanpa perlu berhadapan kesukaran mendapatkan permit dan tapak perniagaan."

"Menerusi pelaksanaan IKHSAN, kerajaan akan menjadi pemudah cara dalam urusan pelantikan pekerja, menyediakan



Program Mesin Vending Inisiatif Usahawan Makanan (INSAN) antara inisiatif dilaksana bagi membantu peserta meningkatkan pendapatan.

Kerajaan mewujudkan tiga templat utama menerusi Inisiatif Usahawan Tani (INTAN), Inisiatif Usahawan Makanan (INSAN) dan Inisiatif Operator Perkhidmatan (IKHSAN)

Nor Azmie Diron,
Ketua Setiausaha Kementerian Ekonomi



peralatan dan kelengkapan serta memberi elau tambahan kepada peserta.

"Ia sebagai langkah mengurangkan kebergantungan terhadap syarikat penyedia perkhidmatan serta pekerja asing dalam

sektor yang dikenali sebagai 3D (kotor, bahaya dan sukar).

"Kementerian Ekonomi akan bekerjasama dengan semua kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk mewujudkan peluang pekerjaan dengan gaji yang setimpal bagi kerja pembersihan di premis awam," katanya.

Nor Azmie berkata, kerajaan turut mengambil langkah memastikan momentum pertumbuhan ekonomi golongan miskin tegar sentiasa meningkat.

Katanya, pendekatan sedia ada menerusi program bersasar individu, komuniti atau hibrid akan diteruskan berdasarkan profil ketua dan ahli isi rumah miskin tegar serta potensi lokaliti dipilih.

"Program merangkumi aktiviti penajaan pendapatan, kema-

hiran teknikal serta peluang pekerjaan bagi membolehkan ketua isi rumah (KIR) miskin tegar menjana pendapatan secara mampan."

"Di bawah program pembasmian kemiskinan termasuk IPR, anak-anak daripada keluarga miskin tegar berpeluang menjalani latihan kemahiran dan Pendidikan, Latihan Teknikal dan Vokasional Malaysia (TVET) dengan kerjasama rakan strategik yang menawarkan kepakaran dalam bidang berkaitan."

"Menerusi IPR juga, latihan kemahiran dan bantuan pendidikan bersesuaian diberi kepada anak-anak golongan miskin tegar di sekolah bagi mengelakkan masalah keciciran," katanya.

Tingkat latihan, kemahiran

Bagi memastikan usaha pembasmian kemiskinan tegar berhasila, Nor Azmie berkata, peneakan perlu diberi terhadap pemberian secara 'in-kind' dan latihan kemahiran dan bukan bantuan tunai semata-mata.

Beliau berkata, usaha menangani kemiskinan di seluruh negara bergantung kepada kesepaduan usaha semua pihak menggembelng sumber dan tenaga.

"Aspek pemantauan dan penilaian berkala adalah komponen utama dalam program IPR," katanya.



Inisiatif Usahawan Tani (INTAN) membantu rakyat menjana pendapatan melalui program pertanian dengan pelbagai bantuan agensi kerajaan.

Ikuti secara langsung pembentangan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas di Parlimen oleh YAB Perdana Menteri pada hari Isnin, 11 September 2023, jam 10 pagi di platform media utama negara atau layari rmke12.ekonomi.gov.my/ksp/ untuk maklumat lanjut.

Perunding hartanah kini usahawan cili

Besut: Memiliki pendidikan dan kelulusan dalam bidang kejuruteraan penyaman udara Institut Kemahiran Mara (IKM) namun ia bukan penghalang buat seorang pemuda bergelar 'usahawan cili'.

Muhammad Harisuddin Zawayi, 27, dia nekad mencuri bidang pertanian dengan mengusahakan tanaman cili kampung di tanah milik keluarganya.

Percubaan anak sulung daripada lima beradik itu ternyata tidak sia-sia apabila dia kini memiliki kira-kira 500 pokok cili kampung.

Kesungguhannya mengusahakan tanaman itu dapat dilihat menerusi perkongsian video di TikTok yang menarik perhatian ramai.

Bercerita lanjut, Muhammad Harisuddin berkata, dia mulanya menjadi perunding hartanah selepas tamat belajarnya.

Melihat peluang yang ada dalam bidang pertanian, Muhammad Harisuddin nekad memulakan langkah dengan menanam sebatang pokok cili.

"Kebetulan, keluarga me-



HARISUDDIN mengusahakan tanaman cili kampung di tanah milik keluarganya.

mulanya terlibat dalam bidang pertanian.

"Sebaliknya, saya banyak mendapatkan khidmat nasihat daripada petani lama yang mengusahakan tanaman itu sejak lebih 10 tahun lalu.

Menurut Muhammad Harisuddin atau dikenali Abang Lada dalam kalangan pengikut di TikTok, memaklumkan tidak menyertai mana-mana kursus atau program penanaman cili ketika

pun selama tiga bulan dalam bidang teknologi kejuruteraan penyaman udara kerajaan Majlis Amanah Rakyat (Mara) dan Pertubuhan Perindustrian, Lanjutan Roshan dan Kebudayaan Antarabangsa (OISCA).

Berhubung perkongsian di TikTok, Muhammad Harisuddin berkata, video dimuat naiknya sekadar untuk berkongsi minat di platform berkenaan.

"Alhamdulillah, ramai beri maklum balas positif malah ada dalam kalangan pengikut sudah mula menanam cili kampung.

"Malah saya terima banyak kiriman mesej (DM) daripada petani yang bertanya cara menanam cili ini," katanya.

Berkongsi hala tujunya, Muhammad Harisuddin merancang mengembangkan lagi perusahan tanamannya itu.

"Jika ada rezeki memang nak kembangkan lagi dan setakat ini, saya gunakan modal sendiri saja dan belum terima atau mohon dana daripada mana-mana pihak," katanya.

Bekas pegawai bank kini petani fertigasi

PONTIAN – Meskipun memiliki kerjaya lebih baik dalam ruangan pejabat berhawa dingin, seorang bekas pegawai bank sanggup 'bermandi peluh' menukar bidang kepada pertanian.

Pemuda dari Kampung Parit Abdul Rahman, Benut, di sini, Muhammad Anuar Mahat, 37, memilih mengusahakan tanaman peria dan timun menggunakan kaedah fertigasi.

Katanya, dia pernah bekerja di dua institusi kewangan di ibu negara selama empat tahun, namun kerana minat mendalam dalam perniagaan pertanian mendorongnya pulang ke kampung halaman.

"Saya berhenti kerja pada 2019, mula-mula belajar dalam bidang pertanian dengan membantu pengusaha tanaman lada sakata di Parit Lama Benut.

"Selepas itu, saya belajar cara penanaman timun dan peria secara fertigasi gantung di Kampung Parit Mokhyat, Ayer Baloi," katanya ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Muhammad Annuar yang

memiliki Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Kewangan itu berkata, dia memulakan projek tanaman peria dan timun sejak awal tahun ini dengan bantuan pinjaman kewangan daripada keluarganya.

"Saya memulakan pembinaan para-para setinggi 1 meter dengan menempah besi dari Senai dan memasangnya sendiri.

"Walaupun kosnya agak tinggi, tetapi berbaloi kerana ia tidak mudah karat dan tidak perlu diselenggara untuk jangka panjang," ujarnya yang merupakan anak bongsu daripada lima adik-beradik.

Kini, dia sudah menanam sebanyak 1,100 polibeg peria dan 1,500 polibeg timun sejak sebulan lalu di atas tanah seluas 0.4 hektar milik keluarganya.

Jelasnya, dia berharap dengan adanya projek yang diusahakannya dapat memberikan peluang pekerjaan sampingan kepada penduduk sekitar kawasan ini untuk membantu kami memetik hasil tuaian nanti.



MUHAMMAD ANUAR melihat tanaman peria yang baru ditanam menggunakan kaedah fertigasi di Kampung Parit Abdul Rahman, Benut, Pontian baru-baru ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/8/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	33



MOHAMMAD Dzarul Hakim Dol Malek menunjukkan anggur Jupiter yang ditanam di kebunnya di Ramuan China Besar, Masjid Tanah, Melaka. - UTUSAN/MUHAMMAD SHAHIZAM TAZALI.

Anggur rasa laici jadi buruan pelanggan

Oleh MUHAMMAD SHAHIZAM TAZALI
utusannews@mediamulla.com.my

ALOR GAJAH: Anggur jenis Jupiter yang ditanam di Ladang Amanda Puteri Garden di Ramuan China Besar, Masjid Tanah di sini habis dipetik pengunjung dalam tempoh tidak sampai dua jam.

Ketika ditemui *Utusan Malaysia*, pengusaha ladang, Mohammad Dzarul Hakim Dol Malek, 28, berkata, anggur berasal dari Amerika Syarikat itu mempunyai rasa seakan laici dan bau seperti beri.

Katanya, dia mengusahakan kebun anggur bersama bapa, Dol Malek Md. Sap, 58, dan adik, Mohammad Dzarul Haziq Dol Malek, 25, sejak Oktober tahun lalu.

"Anggur jupiter memiliki rasa seakan buah laici semakin men-

jadi pilihan penggemar anggur. Sebanyak 450 gugus anggur dengan berat purata 150 gram segugus habis dipetik dalam tempoh tidak sampai dua jam.

"Saya anggarkan lebih daripada 500 orang yang datang untuk merasai pengalaman memetik sendiri anggur baru-baru ini. Memandangkan sambutan di luar jangkaan saya terpaksa menghadkan setiap keluarga hanya boleh petik satu gugus anggur saja.

"Pelanggan kata mereka tidak pernah rasa anggur seperti ini. Bagi sesi seterusnya, saya merancang untuk membuka tempahan slot atau menghadkan masa memetik bagi memberi peluang kepada semua orang merasai keenakan anggur Jupiter ini," katanya ketika ditemui.

Tambah Mohammad Dzarul Hakim, permintaan anggur Ju-

piter sangat tinggi untuk pasaran tempatan.

Bagaimanapun katanya, dia tidak berhasrat memasarkannya secara serius kerana mahu memberi tumpuan untuk membangunkan kebunnya sebagai kawasan agro pelancongan.

"Saya bercadang untuk memperkenalkan dulu anggur jenis ini dan belum bersedia memasarkannya dalam kuantiti yang banyak. Saya mahu menjadikan kebun ini destinasi kunjungan pelancong sesuai dengan konsep agro pelancongan yang ingin diketengahkan.

"Sebenarnya banyak lagi perancangan selepas ini antaranya memperkenalkan jenis anggur yang mempunyai rasa seperti nenas dan mangga. Saya jangka dalam setahun lagi kerana perlu buat kajian dahulu tentang pokok (anggur) ini," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/8/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	18



DIHARAPKAN kejayaan sektor penanaman padi di Sekinchan, Selangor dapat dikembang ke negeri-negeri lain termasuk yang ditadbir Perikatan Nasional (PN).

Usah pinggir sektor tani negeri PN

SAUDARA PENGARANG,

DALAM laporan muka depan *Utusan Malaysia* pada 15 Ogos lalu, tertera tajuk *Fokus sekuriti makanan dalam Bajet 2024*.

Berita terbabit memetik cadangan wakil persatuan pengguna dan ahli ekonomi supaya kerajaan mengutamakan sekuriti makanan dalam pembentangan Belanjawan 2024, Oktober ini bagi memastikan tidak timbul lagi isu kenaikan kos sara hidup.

Langkah ini juga menjamin bekalan makanan yang stabil dan berterusan untuk kegunaan tempatan selain mengurangkan import makanan yang mencecah RM75.5 bilion, tahun lalu.

Sebenarnya cadangan menghasilkan produk makanan khususnya memperkasakan sektor pertanian bukan baharu kerana Perdana Menteri kedua, Tun Abdul Razak Hussein memperkenalkan Rancangan Buku Hijau pada 1974.

Ia menumpukan perhatian kepada penggunaan tanah sepenuhnya, tanaman jangka pendek, perkebunan cara berkelompok, rancangan ternakan, rancangan peliharaan ikan air tawar, pemasaran yang baik dan projek-projek kecil.

Matlamat rancangan ini ialah menambahkan pengeluaran bahan makanan supaya cukup untuk keperluan negara, menambahkan pendapatan rakyat luar bandar sebagai usaha mengurangkan tekanan inflasi dan menggalakkan kerjasama rakyat, wakil rakyat dan pegawai kerajaan supaya lebih cergas melibatkan diri dalam usaha-usaha pembangunan.

Ironinya, setelah 49 tahun rancangan ini diperkenalkan, kita masih di belakang negara-negara Asia Tenggara lain terutama Filipina dan Thailand dari segi pengeluaran beras.

Sehingga hari ini kita masih mengimport bekalan beras kerana pengeluaran beras tempatan tidak mencukupi untuk menampung permintaan rakyat.

Begitu juga sumber-sumber makanan lain seperti sayuran, buah-buahan dan hasil penternakan termasuk daging lembu.

Kebergantungan yang tinggi kepada sumber makanan import amat merugikan rakyat kerana mereka terpaksa membayar harga lebih tinggi berbanding produk tempatan.

Timbul persoalan, adakah strategi-strategi yang telah dilaksanakan oleh kerajaan sebelum ini tidak berjaya? Atau tidak mendapat sambutan daripada para petani?

Justeru, strategi-strategi baharu yang bakal dirangka harus lebih berkesan termasuk mengambil kira penyatuan tadbir urus di peringkat kerajaan Pusat dan kerajaan negeri kerana perihai tanah berada di bawah kerajaan negeri.

Sudah tiba masanya, perbezaan fahaman politik antara kerajaan Pusat dan negeri-negeri khususnya yang ditadbir Perikatan Nasional (PN) di Terengganu, Kelantan dan Kedah diketepikan demi memastikan kelancaran proses pemerikasaan sektor tani demi kesejahteraan rakyat.

PROFESOR MADYA DR. HARYATI SHAFII
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)